

09/02/2003

Galeria Perdana

Wan Jailani Razak

GALERIA Perdana di Langkawi yang menghimpunkan lebih 8,000 koleksi cendera hati pemberian pemimpin dan tokoh dunia dan tempatan yang disifatkan sebagai galeri kenang budi dan jasa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin negara, akan terus kekal sebagai sebuah monumen penting untuk generasi sekarang dan akan datang.

Galeri seluas 5,332 meter persegi yang menggabungkan dua bangunan dua tingkat dengan reka bentuk seni bina oriental dan mula dibuka secara rasmi pada Disember 1995 itu akan terus berfungsi untuk menyimpan, memulihara dan mempamerkan cendera hati berkenaan.

Pelancong yang mengunjungi galeria itu juga terus meningkat setiap tahun. Tahun lalu, seramai 267,701 orang melawat Galeria Perdana, bertambah 14,810 pelawat berbanding 2001. Seramai 1,445,869 pelancong asing dan tempatan melawat galeri itu sejak mula dibuka kepada orang ramai pada April 1996.

Malah, pihak pengurusannya kini gigih merangka program luaran untuk mengenang budi dan jasa Dr Mahathir sejak memegang tampuk pemerintahan negara pada 1981, selain mengimbas kembali riwayat hidupnya, sebaik dua blok bangunan tambahan siap dalam masa terdekat ini.

Pengurus Galeria Perdana, Mahani Muhammad, berkata program di galeria itu akan dijalankan secara berterusan bagi tujuan pembelajaran dan pembentukan semangat kenegaraan di kalangan rakyat Malaysia.

Katanya, pihaknya akan terus memulihara hadiah yang diterima perdana menteri dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali buat selamalamanya untuk dihayati bersama rakyat dan pelancong ke Langkawi.

"Saya anggap setiap koleksi yang dipamerkan dan dalam simpanan galeri ini adalah satu objek hidup yang mana maklumat dan tujuannya boleh diperkembangkan untuk manafaat generasi masa kini dan akan datang.

"Kita akan menganjurkan siri ceramah, percambahan fikiran mengenai Perdana Menteri untuk didokumentasikan dalam bentuk kekal sebagai bahan rujukan penting," katanya ketika ditemui wartawan Berita Minggu di Langkawi, baru-baru ini.

Dua blok baru bernilai hampir RM24 juta itu akan digunakan untuk menempatkan cendera hati secara lebih sistematik, selain adanya sebuah auditorium dengan 150 tempat duduk yang dilengkapi sistem audio.

Blok berkenaan juga akan menempatkan surau, kedai cendera hati, kafeteria dan stor selain kemudahan makmal untuk menjalankan kerja pemuliharaan cendera hati supaya ia kekal sebagai khazanah negara.

Bangunan baru yang mula dibina pada Februari tahun lalu itu akan dihubungkan dengan bangunan lama menerusi 'drive way' yang dibina dari tingkat bawah bangunan lama ke tingkat atas bangunan baru.

Mengenai landskap, pihak pengurusan masih mengekalkan ciri harmoni dengan tanaman herba serta pelbagai jenis pokok buah-buahan, bunga-bunga dan kemudahan bangku rehat untuk keselesaan pelawat.

Mahani berkata, selain program luaran, pihaknya juga bercadang melakukan penerbitan mengenai hadiah yang diterima Dr Mahathir, selain menjadikan galeri itu sebagai produk pendidikan bagi pelajar tempatan.

"Kami akan menjemput penceramah dari dalam dan luar negara untuk memberi penerangan terperinci mengenai barangan yang dihadiahkan kepada Perdana Menteri kerana setiap koleksi terselit budaya dan sejarah tersendiri.

"Contohnya, kami akan meminta kerjasama daripada pegawai kebudayaan Uzbekistan untuk menceritakan hal berkaitan cendera hati yang dihadiahkan

pemimpin negara itu seperti tekstil, ukiran kayu, perak dan tembaga," katanya.

Beliau berkata, pihaknya tidak dapat mengenal pasti hadiah termahal yang diterima Perdana Menteri kerana masing-masing ada nilai budaya dan estetikanya.

Setakat ini maklumat yang diperolehi hanya mengenai tarikh hadiah diterima, siapa pemberi, sempena majlis apa dan tempat.

Sehubungan itu, katanya, pihaknya melakukan keratan akhbar pada setiap masa mengenai apa saja majlis yang disertai Perdana Menteri sejak 1996 bagi menambah maklumat pada cendera hati itu.

Keunikan galeri itu diakui sendiri oleh Pengerusi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, Tan Sri Abdul Samad Idris berdasarkan catatannya dalam buku lawatan pada 21 Mac tahun lalu apabila beliau mencatatkan:

`Satu lawatan yang meninggalkan kesan mendalam setelah menyaksikan gambar dan lukisan serta lain-lain yang mengandungi erti sejarah.

`Ia akan lebih bernilai lagi setiap hari berlalu selagi dunia berkembang yang akan menjadi ingatan generasi akan datang sebagai satu khazanah negara'.

Catatan Wanita Pertama Botswana, Gladys Masire dalam buku sama pula menyebut: `Saya berasa sungguh kagum dan berharap anda akan terus menjadikan tempat ini bersih dan kemas.

`Semua hadiah didapati disimpan dengan baik dan saya banyak belajar daripada anda. Kita belajar dengan mengambil contoh dari negara yang sudah berjaya seperti Malaysia. Tahniah'.